

SOALAN NO: 56

Manakala bagi Pembinaan Hab Digital Multimedia (Digital Multimedia Broadcasting Hub) di Cyberjaya dan Pusat Pemulihan Bencana (Disaster Recovery Centre) di Shah Alam pula dijangka siap pada suku keempat 2015. Syarikat MyTV dijadualkan untuk menyediakan liputan siaran TV digital sehingga 85% ke kawasan berpenduduk pada penghujung 2015.

Kerajaan melalui RTM telah bersedia dengan fasiliti sistem ‘play-out’ untuk tujuh (7) saluran serta sistem HbbTV untuk aplikasi interaktif dan EPG. Untuk pemancaran siaran TV digital pihak MyTV memaklumkan sedang berusaha menyiapkan infrastrukturnya dan dijangka mula beroperasi awal tahun 2016.

Manakala daripada aspek kandungan pula, RTM juga telah bersedia dengan konsep saluran baharu. Malah perancangan perolehan tahun 2016 juga telah mengambil kira pengisian saluran baharu. Selain itu, RTM juga telah bersedia dengan perancangan penyelarasan sumber manusia jika saluran-saluran baharu diwujudkan.

Permohonan bajet peruntukan tambahan untuk membiayai kandungan saluran baharu digital juga telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.